

20/05/2000

Usah pertikai rombakan Wanita negeri

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Semua Ketua Pergerakan Wanita Umno bahagian di negeri ini diminta tidak lagi mempertikaikan rombakan barisan kepimpinan Ketua Perhubungan Wanita Umno negeri dan Exco kerana ia disifatkan perkara biasa apabila berlaku perubahan pucuk pimpinan.

Ketua Wanita Umno negeri, Senator Toh Puan Wan Asiah Wan Ahmad, berkata Wanita Umno di negeri ini tidak perlu mengeruhkan lagi keadaan kerana perkara yang sama dilakukan bekas ketua pergerakan itu, termasuk Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman sendiri.

Katanya, bukan semua barisan kepimpinan Wanita menyokong Datuk Seri Rafidah Aziz, sebaliknya ada juga yang menyokong Dr Siti Zaharah dilantik Ketua dan Naib Ketua Wanita Umno negeri serta yang dipilih sebagai ahli Exco pergerakan itu.

Oleh itu, katanya, perkara itu tidak perlu lagi dipertikaikan kerana ia menjadi perkara biasa apabila sesuatu perubahan berlaku.

Beliau berkata, tugas Wanita Umno negeri sekarang merapatkan semula barisan, terutama merampas Terengganu daripada Pas.

Wan Asiah yang pernah memegang jawatan Ketua Wanita Umno negeri di antara 1964 dan 1972, ketika pergerakan itu diterajui Tan Sri Fatimah Hashim dan menjadi Naib Ketua Wanita ketika Tan Sri Aishah Ghani hingga sekarang, menjangka tidak menghadapi masalah untuk memantapkan semula pergerakan itu di negeri ini.

Katanya, beliau akan mengadakan perjumpaan dengan semua pemimpin Wanita Umno bahagian untuk meminta pandangan serta melantik barisan Exco Wanita Umno negeri.

Beliau juga menyokong saranan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Wanita Umno lebih mengutamakan agenda parti dan negara daripada memberi tumpuan terhadap hal individu.

(END)